

**institusi**

Oleh **HISYAMUDDIN ATUB**  
egamo@utusan.com.my



# Pemertanian gelatin halal

**P**ERMINTAAN terhadap gelatin halal dalam kehidupan seharian pada masa ini sangat tinggi namun kadar pengeluaran gelatin halal yang patuh syariah termasuk di peringkat global adalah terlalu kecil.

Berdasarkan statistik, penghasilan gelatin halal di peringkat global sekitar 0.7 peratus pada 2013 manakala jumlah populasi umat Islam di seluruh dunia adalah 1.7 bilion.

Malah populasi masyarakat Islam di seluruh dunia terus mencatat peningkatan dengan anggaran peningkatan sebanyak 40 juta orang setiap tahun.

Fastinya jumlah tersebut tidak mampu mematuhi permintaan tinggi umat Islam terhadap gelatin halal yang banyak digunakan dalam pelbagai bidang.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) **Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus** berkata,

**INFO**

■ Penghasilan gelatin halal di peringkat global sekitar 0.7 peratus pada 2013 manakala jumlah populasi umat Islam di seluruh dunia adalah 1.7 bilion.

■ Dianggarkan 90,000 tan gelatin halal diperlukan setiap tahun bagi memenuhi keperluan industri makanan dan minuman, nutraseutikal, farmaseutikal dan kosmetik.

■ Kebanyakan penghasilan gelatin di luar negara adalah daripada haiwan, 43 peratus (kulit babi), 23 peratus (kulit lembu), 18 peratus (tulang babi dan lembu), sumber-sumber lain (16 peratus).

■ Eropah Barat hasilkan gelatin peringkat dunia (39 peratus), Eropah Timur (22 peratus), Amerika Utara (20 peratus), Amerika Latin (17 peratus) dan lain-lain negara (dua peratus).

dianggarkan 90,000 tan gelatin halal diperlukan setiap tahun bagi mematuhi keperluan industri makanan dan minuman, nutraseutikal, farmaseutikal serta kosmetik yang menggunakan bahan tersebut.

Katanya, sebagai umat Islam, menjadi satu tanggungjawab yang perlu digalas untuk memenuhi permintaan umum terhadap gelatin halal dan perkara tersebut boleh dikategorikan sebagai fardu kifayah.

"Selain itu, pendorong kepada umat Islam terutama di negara ini untuk menghasilkan gelatin halal adalah berdasarkan kepada kepercayaan lebih tinggi dan penerimaan orang ramai terhadap produk yang dihasilkan oleh umat Islam itu sendiri.

"Dalam masa yang sama, sebagai hab halal, Malaysia selanjutnya menjadi negara pengeksport utama melibatkan produk halal dan menepu permintaan tinggi orang ramai dan pasaran terhadap gelatin halal yang banyak digunakan dalam pelbagai bidang.



**ROSLI MOHD. YUNUS** (kanan) bergambar bersama Awang Adek Hussin (tiga dari kiri) dan tetamu kenamaan lain semasa penutupan Simposium Ekosistem Gelatin Halal.

perdagangan," katanya ketika berucap sempena penutupan Simposium Ekosistem Gelatin Halal, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Datuk Dr. Awang Adek Hussin.

Dalam penutupan simposium tersebut, UMP turut menandatangani Memorandum

Persefahaman (MoU) dengan Amin Bio Group dari Shanghai, China yang berpengalaman luas bagi pembangunan ekosistem halal di China.

Antara yang hadir dalam majlis menandatangani MoU itu ialah Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Pengarah Amin Bio Group, Dr.wood So Han.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, faktor utama menghalang penghasilan gelatin halal di negara Islam adalah kerana kekurangan bahan utama bagi membuat gelatin iaitu tulang atau kulit binatang ternakan termasuk lembu.

Namun begitu menurutnya, kebanyakan negara luar yang menghasilkan gelatin adalah menggunakan binatang yang



**WAKIL** syarikat dari dalam dan luar negara bergambar kenangan bersama Awang Adek Hussin (tengah) selepas menandatangani MoU sempena penutupan Simposium Ekosistem Gelatin Halal.

**STATISTIK**

- Malaysia mengimport 85 peratus daging untuk keperluan domestik.
- Kebanyakan rakyat Malaysia menggunakan tulang untuk membuat sup.
- Rumah penyembelihan di Malaysia secara purata hanya menyembelih 50 ekor lembu sehari.
- Pusat penyembelihan di Bagan Datuk dijangka mampu menyembelih kira-kira 1000 ekor lembu setiap hari.
- Belakan tulang lembu di negara ini tidak mencukupi bagi menghasilkan gelatin.
- Harga tulang lembu juga terlalu mahal iaitu melebihi RM20 sekilogram.
- Sebuah rumah penyembelihan lembu kecil terbeser di rantau Asia akan dibina di Bagan Datuk, Perak.

diharamkan dalam Islam iaitu babi.

Jelasnya, kebanyakannya gelatin yang dihasilkan di luar negara berasal daripada haiwan iaitu sebanyak 43 peratus daripada kulit babi, kulit lembu (22 peratus), tulang babi dan lembu (18 peratus) dan sebanyak 16 peratus lain-lain sumber.

Menurutnya, penghasilan gelatin dunia adalah sebanyak 450,700 tan setahun dan Eropah Barat menguasai pasaran menerusi penghasilan gelatin di peringkat dunia sebanyak 39 peratus, diikuti Eropah Timur (22 peratus), Amerika Utara (20 peratus), Amerika Latin (17 peratus) dan lain-lain negara sebanyak dua peratus.

Tambah beliau, pasaran global gelatin dianggarkan bakal mencatat peningkatan sebanyak 6.5 peratus setiap tahun sehingga tahun ini.

Katanya, kapasiti pengeluaran dunia bagi produk gelatin pada 2011 adalah sebanyak 348,900 tan, manakala jumlah bagi tahun ini dijangka sekitar 450,700 tan.

Sehubungan itu katanya, usahawan Muslim di negara ini harus menerima cabaran menjadikan Malaysia sebagai negara Islam menghasilkan gelatin halal, sekali sahaja mengukuhkan Malaysia sebagai hab halal di rantau ini.